

Orang Melayu perlu berdisiplin bayar hutang

UM - 8 APR 2005

KUALA LUMPUR 7 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru orang Melayu lebih berdisiplin membayar hutang kerana ia akan membersihkan mereka daripada sebarang tanggapan negatif institusi perbankan dan kerajaan.

Bekas Perdana Menteri berkata, tanggapan negatif itu jika tidak dikikis akan menyebabkan orang Melayu yang lain sukar untuk mendapat pinjaman bank untuk berniaga.

Beliau yang juga Fellow Utama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL) berkata, pada masa dahulu ada bank bertanya sama ada meminjam adalah orang Melayu atau tidak sebelum meluluskan permohonan pinjaman.

“Ini disebabkan bangsa Melayu dicap sebagai bangsa yang tidak membayar hutang dan tidak boleh dipercayai,” kata beliau.

“Dulu saya ada dengar orang Melayu kita kata, perlukah bayar hutang terutamanya hutang Mara kerana itu duit kerajaan,” kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan ke-30 DPMMKL di sini hari ini.

Modal

Kata Dr. Mahathir, hanya disebabkan segelintir orang Melayu yang tidak membayar hutang akan menyebabkan semua orang Melayu akan sukar mendapat pinjaman pada masa akan datang.

Menurut Dr. Mahathir, peniaga Melayu suka berhutang kerana mereka kekurangan modal tetapi mempunyai cita-cita besar dalam perniagaan.

Sehubungan itu, beliau meminta para peniaga Melayu menjaga reputasi sebagai bangsa yang boleh dipegang pada janji.

“Sekiranya tidak mampu melaksanakan sesuatu kontrak, jangan ambil kontrak itu. Kalau boleh buat baru buat, kalau tidak jangan ambil dan kemudian jual kontrak itu kepada orang lain,” kata beliau.

Kaum-kaum lain akan mempercayai bangsa Melayu jika reputasi kerja yang dilakukan adalah baik, ujarinya.

Dr. Mahathir juga menasihatkan peniaga Melayu mengamalkan nilai-nilai mulia kerana ia adalah penentu kepada kejayaan.

Katanya, walaupun ada peniaga yang mengamalkan penipuan untuk berjaya dan telah berjaya, tetapi beliau percaya peniaga seperti itu tidak mampu pergi jauh.